



PANDUAN PENGENDALIAN PROGRAM PENDIDIKAN TINGGI SEMASA DAN PASCA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN COVID-19

PANDUAN UMUM

1. Panduan ini adalah bersifat **advisory** kepada Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) dalam merancang tindakan dan langkah pemulihan sementara sistem pengajian yang terjejas sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan dan bagi kemungkinan perlanjutan tempoh tersebut melangkaui 14 April 2020. Panduan ini juga **perlu dibaca bersama dengan arahan atau ketetapan yang dikeluarkan oleh pihak** berkuasa dari semasa ke semasa termasuk Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi (JPT, KPT), dan pihak lain yang berkaitan seperti badan profesional, *Education Malaysia Global Services* (EMGS) dan lain-lain.
2. Tindakan dan langkah sementara yang diambil oleh PPT dalam tempoh krisis ini diletakkan di atas **tanggungjawab dan autonomi Senat/ Lembaga Akademik PPT untuk membuat keputusan pelaksanaan dalam tempoh masa yang wajar** (semasa dan pasca krisis) berdasarkan peruntukan perlembagaan masing-masing, kesesuaian sumber dan prasarana sedia ada. PPT perlu mengambil kira kepentingan dan menjaga kebajikan pelajar semasa dan akan datang dalam membuat sebarang pelaksanaan tindakan dan langkah sementara tersebut
3. MQA akan mengambil kira perkara ini dalam penilaian akreditasi sebagai suatu yang tidak dapat dielakkan dan penambahbaikan yang dirancang hanya dapat dilaksanakan setelah keadaan kembali pulih. **MQA bersedia memberikan fleksibiliti yang bersesuaian kepada PPT** dan akan membuat penyelarasan bersama Panel Penilai MQA.
4. Oleh itu, PPT dinasihatkan untuk merekod dan mengemas kini sebarang tindakan dan langkah sementara yang telah dilaksanakan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (atau lain-lain perintah seumpamanya selepas itu) dari semasa ke semasa.
5. Pusat Jaminan Kualiti Dalaman PPT adalah dinasihatkan untuk **menyelaras tindakan pasca krisis setelah keadaan kembali pulih**. Tindakan tersebut boleh berbentuk program pemulihan, pembetulan atau penambahbaikan berdasarkan keperluan. Ia boleh dilaksanakan secara berperingkat-peringkat

berdasarkan keutamaan terutamanya bagi pelajar yang akan bergraduat dalam tempoh terdekat.

6. PPT merujuk kepada Universiti Awam (UA), Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS), Politeknik dan Kolej Komuniti. PPT juga merangkumi Institusi Pendidikan Tinggi/ Latihan Awam lain yang programnya telah diakreditasi oleh MQA.

PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

7. **Pengubahsuaian aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan pertemuan bersemuka kepada *online* sepenuhnya termasuk aktiviti berbentuk amali**

Pada umumnya PPT boleh mengambil langkah sementara dengan mengubah suai komponen pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan pertemuan bersemuka (termasuk *blended learning*) kepada kaedah atas talian sepenuhnya tertakluk kepada kesediaan pelajar, tenaga pengajar, sumber dan prasarana di PPT.

Kaedah-kaedah *remote learning* lain seperti pembelajaran berbentuk tugas, dan pembelajaran sendiri boleh digunakan mengikut kesesuaian. PPT perlu mengeluarkan panduan yang jelas kepada pelajar berkenaan perkara ini.

Pendedahan komponen amali (sama ada sebahagian atau keseluruhan kursus) boleh dilaksanakan melalui video, *virtual simulation* atau kaedah-kaedah lain yang bersesuaian. Adalah menjadi tanggungjawab tenaga pengajar untuk memastikan aktiviti amali yang dirancang adalah bersesuaian dan dapat mencapai hasil pembelajaran yang ditetapkan.

8. **Penghentian pengajaran dan pembelajaran yang tidak diganti melalui kaedah *online/ remote learning* dan tidak digantikan setelah pembelajaran institusi beroperasi kembali**

Pada prinsipnya ia bergantung kepada tahap penawaran sesuatu kursus. Penggantian melalui pembelajaran *online* atau tugas pembelajaran adalah disyorkan semasa perintah sedang berjalan. Komponen yang tertinggal juga boleh ditawarkan secara *microlearning* atau kaedah-kaedah lain yang bersesuaian di semester yang berikutnya.

Bagi kursus yang berstatus prasyarat, sesi pengukuhan boleh dilaksanakan sewaktu mengikuti kursus pascasyarat di semester berikutnya, tertakluk kepada kesesuaian.

PPT boleh mempertimbangkan langkah tidak menggantikan sekiranya penghentian kuliah berlaku di hujung silibus pembelajaran dan tenaga pengajar mendapati keperluan hasil pembelajaran pada tahap minimum telah dipenuhi.

Walau bagaimanapun, perhatian khusus perlu dibuat terhadap kursus penting di hujung pengajian yang memerlukan kepada pengukuhan penguasaan ilmu dan kemahiran sebelum pelajar bergraduat.

STUDENT LEARNING TIME (SLT) / KREDIT

9. Kesan pengubahsuaian dan perubahan ini terhadap pengiraan SLT atau kredit serta pembelajaran dan penilaian pelajar

Pengubahsuaian dan perubahan terhadap pembelajaran dan penilaian pelajar (sama ada yang melibatkan penggantian atau tidak diganti) yang memenuhi sekurang-kurangnya 70% hingga 80% keperluan SLT **boleh** dipertimbangkan oleh PPT sebagai telah memenuhi keperluan kredit, mencapai gred pencapaian pelajar dan hasil pembelajaran minimum yang telah ditetapkan bergantung kepada kesesuaian bidang.

LATIHAN INDUSTRI

10. Penggantian tempoh pemendekan Latihan Industri (LI)

PPT boleh mempertimbangkan bahawa pelajar yang telah menyelesaikan sekurang-kurangnya 70% hingga 80% daripada tempoh latihan industri untuk tidak melengkapkan baki latihan industri yang tertunggak. Walau bagaimanapun, perkara ini juga tertakluk kepada kesesuaian bidang pengajian tersebut dan pertimbangan badan-badan profesional yang berkaitan. PPT bertanggungjawab mempertimbangkan pendedahan minima industri yang perlu dilalui oleh pelajar dalam memenuhi hasil pembelajaran yang ditetapkan.

11. Penggantian kursus LI dengan kaedah lain pendedahan industri

PPT boleh menggantikan LI dengan kaedah atau alternatif lain yang bersesuaian melalui program yang melibatkan kerjasama industri dan penyeliaan oleh pengamal industri (sebagai contoh projek berasaskan industri) bergantung kepada bidang pengajian pelajar. Walau bagaimanapun, perkara ini juga tertakluk kepada kesesuaian bidang pengajian dan pertimbangan badan-badan profesional yang berkaitan.

PENILAIAN PELAJAR

12. Penggantian peperiksaan akhir dengan lain-lain bentuk penilaian pelajar seperti peperiksaan secara *online*, tugas dan sebagainya

Peperiksaan akhir di kampus boleh digantikan dengan kaedah penilaian yang lain seperti *take-home-exam*, *open-book-exam*, peperiksaan secara *online*, tugas akhir dan sebagainya bergantung kepada kesesuaian. PPT perlu memastikan mekanisma penilaian yang digunakan dapat mengukur pencapaian pelajar secara individu.

Prinsip utama adalah kaedah-kaedah terbabit dapat mengukur pencapaian pelajar berdasarkan hasil pembelajaran yang ditetapkan serta memelihara sebaik mungkin berdasarkan situasi semasa aspek *validity*, *reliability* dan *fairness* dalam pelaksanaan.

13. Peperiksaan akhir yang tidak dilaksanakan dan tidak diganti dengan lain-lain bentuk penilaian pelajar

Pada prinsipnya PPT boleh mempertimbangkan perkara ini sekiranya komponen sumatif dalam penilaian berterusan **(a)** merangkumi sekurang-kurangnya 70% daripada keseluruhan penilaian pelajar **DAN (b)** telah memenuhi hasil pembelajaran yang ditetapkan. Kursus-kursus yang tidak memenuhi peratusan di atas boleh digabungkan dengan kaedah-kaedah penilaian lain bagi mencukupkan peratusan tersebut. Walau bagaimanapun, perkara ini juga tertakluk kepada kesesuaian bidang pengajian dan pertimbangan badan-badan profesional yang berkaitan.

Perhatian khusus perlu dibuat terhadap kursus penting di hujung pengajian yang memerlukan kepada pengukuhan penguasaan ilmu dan kemahiran sebelum pelajar bergraduat.

14. Penggantian gred pemarkahan kepada Lulus/ Gagal

PPT diberikan autonomi untuk menentukan gred pemarkahan yang bersesuaian bagi menggambarkan pencapaian kompetensi pelajar terhadap satu-satu kursus. Namun dalam tempoh krisis ini, PPT boleh mempertimbang menggunakan indikator Lulus/ Gagal dengan mengambilkira kepentingan dan impak/ tekanan kepada pelajar. Adalah menjadi tanggungjawab PPT memastikan gred yang diperolehi pelajar menunjukkan pencapaian hasil pembelajaran yang ditetapkan.

PENYELARASAN SISTEM SEMESTER

15. Penyusunan kursus-kursus yang melibatkan semester panjang dan semester pendek

PPT perlu menguruskan secara bersesuaian penamatan semester pengajian semasa dan seterusnya penawaran semester baharu. Adalah dinasihatkan untuk PPT mengelakkan berlaku pertindihan semester pengajian.

Bagi membolehkan pelajar kembali kepada landasan kemajuan pengajian asal (*original study track*), PPT diberi fleksibiliti untuk menawarkan beban kredit yang lebih tinggi daripada biasa pada semester-semester berikutnya tertakluk kepada penawaran minggu pengajian maksimum 45 minggu setahun. Ini bagi membolehkan pelajar mengikuti komponen pengajian yang perlu dibuat pengulangan dan/ atau pengukuhan.

PPT adalah dinasihatkan memberi pilihan kepada pelajar untuk menentukan beban pengajian tambahan dan memberi perhatian kepada pelajar yang berisiko dalam kemajuan pengajian sekiranya mengambil beban pengajian tambahan.

Sebarang pertanyaan lanjut boleh dibuat melalui Sistem Pengurusan Pertanyaan dan Aduan di <https://www2.mqa.gov.my/sppav2/>.

**AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA (MQA)
29 MAC 2020**